

PRAKTIS

2

Agama Islam di Malaysia

Tajuk

6

Warisan Negara Kita



NOTA

PINTAS

Agama Dianuti Kepercayaan Dihormati**Animisme**

- Kepercayaan terawal.
- Percaya kepada roh nenek moyang, makhluk halus dan semangat.



Animisme

Agama Hindu

- Percaya kepada kelahiran semula.
- Dibawa melalui aktiviti perdagangan.



Agama Hindu

Agama Buddha

- Dibawa melalui aktiviti perdagangan.
- Berpegang pada "Jalan Lapan Lapis Mulia".

Agama Islam

- Dibawa oleh pedagang, pendakwah dan ulama.
- Wajib percaya kepada Rukun Islam dan Rukun Iman.



Agama Islam

Agama Kristian

- Wujud setelah kedatangan penjajah Portugis.
- Mempercayai Jesus sebagai anak Tuhan.

Kedatangan Agama Islam pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

- Kewujudan agama Islam di Tanah Melayu dibuktikan dengan penemuan batu bersurat di negeri Terengganu dan Negeri Sembilan.
- Bukti arkeologi kedatangan agama Islam di Tanah Melayu:

- Penemuan batu bersurat bertarikh 1303 di Sungai Teresat, Kuala Berang.
- Membuktikan kedatangan agama Islam ke Terengganu.



- Penemuan batu bersurat di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan bertarikh 1467.
- Membuktikan kewujudan agama Islam di Negeri Sembilan.

- Faktor kedatangan Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka:

Peranan pedagang Islam

- Melalui kegiatan dakwah.
- Berkahwin dengan rakyat Melaka.

Peranan ulama

- Berjaya mengislamkan raja, pembesar dan rakyat Melaka.

Peranan sultan

- Perkahwinan Megat Iskandar Shah dengan puteri raja Pasai.

Rakyat memeluk Islam.




- Semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka telah wujud perundangan yang mengandungi hukum Islam.



Hukum Kanun Melaka

- Mengandungi 44 fasal yang berkaitan dengan hak keistimewaan dan tanggungjawab raja serta pembesar.
- Hukum Islam yang terdapat dalam undang-undang ini berkaitan dengan hukuman terhadap kesalahan jenayah, urusan jual beli dan kekeluargaan.
- Undang-undang ini dapat mewujudkan keamanan dan keselamatan rakyat di negeri Melaka.



Undang-undang Laut Melaka

- Mengandungi 25 fasal yang berkaitan dengan peraturan di laut, tatacara berniaga dan berjual beli.
- Hukum Islam yang terdapat dalam undang-undang ini berkaitan dengan hukuman terhadap kesalahan jenayah.
- Undang-undang ini melancarkan aktiviti perdagangan dan memberikan keyakinan kepada pedagang yang datang ke Melaka.

Agama Islam dalam Pentadbiran

- Agama Islam memainkan peranan dalam pentadbiran negeri pada abad ke-15.
- *Hukum Kanun Melaka* menjadi rujukan dalam pentadbiran semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- *Hukum Kanun Melaka* sebagai rujukan pengubalan undang-undang di negeri-negeri lain seperti *Hukum Kanun Pahang* dan *Undang-undang 99 Perak*.

Zaman penjajahan British

- Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri baginda.
- Undang-undang Islam digunakan dalam hal berkaitan dengan isu kekeluargaan, harta pusaka dan zakat.

Agama Persekutuan Malaysia

- Pelbagai perayaan agama kaum diraikan seperti sambutan Maulidur Rasul, Hari Wesak, Hari Thaipusam, Hari Gawai dan Pesta Kaamatan.
- Namun, agama Persekutuan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan ialah agama Islam.
- Agama-agama lain boleh diamalkan walaupun agama Islam merupakan agama Persekutuan.

Zaman pendudukan Jepun

- Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri baginda.
- Majlis Agama Islam diwujudkan oleh Jepun.
- Bertanggungjawab terhadap undang-undang keluarga Islam.

Islam dan perpaduan masyarakat

- Toleransi – Bekerjasama dalam pelbagai urusan pekerjaan.
- Kasih sayang – Mengasihi dan mengasihani orang lain walaupun berbeza agama.
- Kesederhanaan – Mengamalkan cara hidup bersederhana.
- Perdamaian – Bermesyuarat untuk mendapatkan keputusan ramai.

Bahagian A

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Apakah kepercayaan yang mempercayai roh nenek moyang?

Buku
Teks
ms. 18

- A Animisme
- B Agama Islam
- C Agama Hindu
- D Agama Buddha

2. Bagaimanakah agama Buddha dibawa ke Tanah Melayu?

Buku
Teks
ms. 18

- A Peranan ulama
- B Peranan pedagang
- C Peranan pendakwah
- D Aktiviti perdagangan

3. Apakah agama yang percaya kepada kelahiran semula?

Buku
Teks
ms. 18

- A Agama Kristian
- B Agama Buddha
- C Agama Hindu
- D Agama Islam

4. Antara berikut, yang manakah teras kepercayaan agama Islam?

Buku
Teks
ms. 18

- I Rukun Islam
- II Rukun Iman
- III Animisme
- IV Roh
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Maklumat berikut berkaitan dengan agama masyarakat di Tanah Melayu.

Buku
Teks
ms. 19

Dibawa ke Tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan.

Apakah agama tersebut?

- A Animisme
- B Agama Kristian
- C Agama Hindu
- D Agama Islam

6. Apakah bukti kewujudan agama Islam di Terengganu?

Buku
Teks
ms. 19

- A Penemuan batu bersurat
- B Penemuan batu nisan
- C Penemuan tembikar
- D Penemuan syiling

7. Gambar berikut menunjukkan batu bersurat yang dijumpai di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan.

Buku
Teks
ms. 19



Bilakah batu bersurat tersebut dijumpai?

- A Bertarikh 1465
- B Bertarikh 1466
- C Bertarikh 1467
- D Bertarikh 1468

8. Di manakah lokasi batu bersurat di Terengganu ditemui?

Buku
Teks
ms. 20

- A Sungai Teresat, Kuala Berang
- B Kampung Buloh, Kuala Berang
- C Kampung Teluk Pasu, Kuala Berang
- D Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan

9. Siapakah yang berperanan menyebarkan agama Islam melalui kegiatan dakwah?

Buku
Teks
ms. 20

- A Sultan
- B Ulama
- C Pedagang Islam
- D Pembesar Melayu

10. Antara berikut, golongan yang manakah berjaya diislamkan oleh Syeikh Abdul Aziz?

Buku
Teks
ms. 20

- I Raja
- II Pembesar
- III Puteri raja
- IV Pedagang Arab
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



11. Apakah sumber perundangan di Melaka?

Buku
Teks
ms. 21

- I *Hukum Kanun Melaka*
- II *Hukum Adat Melaka*
- III *Undang-undang 99 Perak*
- IV *Undang-undang Laut Melaka*
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

12. Maklumat berikut berkaitan dengan kandungan perundangan di Melaka.

Buku
Teks
ms. 21

- Mengandungi 44 fasal.
- Berkaitan dengan hak keistimewaan serta tanggungjawab raja dan pembesar.

Apakah perundangan tersebut?

- A *Hukum Kanun Pahang*
- B *Hukum Kanun Melaka*
- C *Undang-undang 99 Perak*
- D *Undang-undang Laut Melaka*

13. Apakah tujuan penggubalan *Undang-undang Laut Melaka*?

Buku
Teks
ms. 21

- A Mewujudkan keamanan
- B Melancarkan aktiviti perdagangan
- C Memastikan keselamatan pedagang terjamin
- D Menyediakan tempat tinggal kepada pedagang

14. Apakah peranan sultan semasa zaman penjajahan British?

Buku
Teks
ms. 23

- A Ketua pembesar
- B Ketua adat resam
- C Ketua agama kaum lain
- D Ketua adat istiadat Melayu

15. Siapakah yang bertanggungjawab terhadap undang-undang keluarga Islam semasa zaman pendudukan Jepun?

Buku
Teks
ms. 23

- A Gabenor
- B Raja Melayu
- C Majlis Raja Melayu
- D Majlis Agama Islam

16. Apakah agama Persekutuan bagi Malaysia?

Buku
Teks
ms. 24

- A Animisme C Agama Buddha
- B Agama Islam D Agama bebas

17. Bagaimanakah cara menghormati agama Islam sebagai agama Persekutuan?

KBAT Menganalisis

- A Membenarkan pengamalan budaya yang bertentangan ajaran Islam
- B Tidak menimbulkan perkara sensitif berkaitan agama Islam
- C Membenarkan sambutan perayaan pelbagai agama
- D Membenarkan kebebasan beragama

18. Apakah kepentingan kebebasan beragama? KBAT Menilai

- A Mengukuhkan pertapakan Islam
- B Mewujudkan kepelbagaian agama
- C Memastikan kestabilan politik negara
- D Mewujudkan keharmonian dalam pelbagai masyarakat

19. Maklumat berikut berkaitan dengan nilai sejagat.

Buku
Teks
ms. 25

Nilai-nilai yang baik perlu diamalkan bagi membentuk masyarakat yang bersatu padu.

Apakah amalan yang perlu diaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat?

- A Mementingkan diri sendiri
- B Tidak menghormati orang lain
- C Berprasangka terhadap orang lain
- D Mengasihani orang lain walaupun berbeza agama

20. Bagaimanakah kita menjaga hubungan dengan Tuhan?

Buku
Teks
ms. 26

- A Berakhlak buruk
- B Menganiayai sesama manusia
- C Tidak mengamalkan ajaran agama
- D Meninggalkan larangan yang dituntut oleh agama


Bahagian B

Agama Dianuti Kepercayaan Dihormati

1. Senaraikan agama dan kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat di Tanah Melayu. TP 1

Buku
Teks
ms. 18

Agama dan kepercayaan masyarakat di Tanah Melayu



[5 markah]

2. Bulatkan jawapan yang betul. TP 1

Buku
Teks
ms. 18

- (a) Mempercayai roh nenek moyang, makhluk halus dan semangat.

A Agama Hindu

B Animisme

- (b) Dibawa ke Tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan dan mempercayai kelahiran semula.

A Agama Kristian

B Agama Hindu

- (c) Berpegang pada "Jalan Lapan Lapis Mulia".

A Agama Buddha

B Agama Islam

- (d) Dibawa ke Tanah Melayu oleh golongan pedagang, pendakwah dan ulama.

A Agama Kristian

B Agama Islam

- (e) Wujud di Tanah Melayu setelah kedatangan penjajah Portugis.

A Agama Buddha

B Agama Kristian

[5 markah]

Kedatangan Agama Islam pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

3. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. TP 2

Buku
Teks
ms. 20

dakwah

pembesar

berkahwin

puteri raja Pasai

Syeikh Abdul Aziz

- Penyebaran agama Islam dilakukan oleh pedagang Islam dari negara Arab dan India melalui kegiatan _____.
- Terdapat antara mereka _____ dengan rakyat Melaka dan menyebarkan agama Islam kepada penduduk tempatan.
- Menurut *Hikayat Raja-raja Pasai*, agama Islam disebarkan di Melaka oleh _____ yang merupakan ulama dari Mekah.
- Ulama tersebut mengislamkan raja, _____ dan rakyat Melaka.
- Megat Iskandar Shah telah berkahwin dengan _____ menyebabkan baginda memeluk agama Islam dan turut disertai oleh rakyat Melaka.

[5 markah]

4. Berdasarkan pernyataan berikut, nyatakan sama ada *Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-undang Laut Melaka*. TP 3

Buku
Teks
ms. 21

Hukum Kanun Melaka

A

Undang-undang Laut Melaka

B

- Mengandungi 25 fasal yang berkaitan dengan peraturan di laut, tatacara berniaga dan berjual beli.
- Mengandungi 44 fasal yang berkaitan dengan hak keistimewaan dan tanggungjawab raja serta pembesar.
- Mewujudkan keamanan dan keselamatan rakyat di negeri Melaka.
- Melancarkan aktiviti perdagangan dan memberikan keyakinan kepada pedagang yang datang ke Melaka.
- Hukum Islam berkaitan dengan hukuman terhadap kesalahan jenayah dan kekeluargaan.

[5 markah]

Agama Islam dalam Pentadbiran

5. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah. TP 2

Buku
Teks
ms.
22-23

Pernyataan	Jawapan
(a) <i>Hukum Kanun Melaka</i> dijadikan rujukan kepada penggubalan <i>Hukum Kanun Pahang</i> dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.	
(b) Undang-undang digubal untuk mengawal kehidupan manusia dan keharmonian negara.	
(c) Undang-undang Islam boleh diamalkan semasa zaman penjajahan Portugis dan Belanda di Terengganu.	
(d) Undang-undang British digunakan dalam hal yang menyentuh isu kekeluargaan, harta pusaka dan zakat.	
(e) Majlis Agama Islam bertanggungjawab terhadap undang-undang keluarga Islam.	

[5 markah]

Agama Persekutuan Malaysia

6. Lengkapkan ayat berikut tentang agama Persekutuan di Malaysia. TP 4

Buku
Teks
ms. 24

- Kewujudan pelbagai agama dan kepercayaan menyerlahkan keunikan _____ Malaysia.
- Kepelbagaian ini menjadikan Malaysia kaya dengan adat, budaya dan _____.
- Pelbagai perayaan agama dan kaum diraikan seperti sambutan Maulidur Rasul, Hari Wesak, Hari Thaipusam, Hari Gawai dan _____.
- Agama-agama lain boleh diamalkan walaupun agama Islam merupakan agama _____.
- Kita perlu menghormati agama dan kepercayaan semua kaum agar _____ negara dapat dipelihara.

[5 markah]

Bahagian C

Kedatangan Agama Islam pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

- I. (a) Nyatakan sumber perundangan Kesultanan Melayu Melaka yang mengandungi 44 fasal mengenai hak keistimewaan dan tanggungjawab raja serta pembesar. TP 2

Buku
Teks
ms. 21

[1 markah]

- (b) Nyatakan kandungan *Undang-undang Laut Melaka*. TP 2

[2 markah]

- (c) Apakah peranan undang-undang bagi melahirkan masyarakat yang harmoni?

KBAT Menganalisis

[2 markah]

Islam dan Perpaduan Masyarakat

2. Islam menuntut umatnya mengamalkan nilai kemanusiaan dan nilai sejagat bagi membentuk perpaduan dan kesejahteraan masyarakat.

Buku
Teks
ms. 25-26

- (a) Nyatakan dua nilai kemanusiaan yang perlu diamalkan untuk mewujudkan keharmonian. TP 2

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah nilai sejagat dalam agama dapat membentuk perpaduan? KBAT Menganalisis

[3 markah]

